

# PM imbau kenangan bergelar siswa UM

BH  
— 18/6/2022  
m/s: 2



Ismail Sabri ketika hadir pada majlis pelancaran Perayaan Jubli Emas Fakulti Undang-Undang di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya, semalam.  
(Foto Aswadi Alias/BH)

## Ismail Sabri umum dana RM2j sokong aspek penubuhan klinik bantuan guaman

Oeh Zanariah Abd Mutalib dan Muhammad Yusri  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengimbau kenangan beliau bergelar mahasiswa Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya (UM) ketika hadir ke institusi pengajian tinggi berkenaan, semalam.

Perdana Menteri ketika merasmikan Perayaan Jubli Emas Fakulti Undang-Undang UM berkata, beliau adalah antara maha-

siswa undang-undang daripada kohort kesembilan yang menjejak kaki ke UM pada 1980.

Menyingkap kenangan itu, beliau kemudian menjadi pengamal undang-undang dan bertugas sebagai peguamcara dan peguambela di Mahkamah Tinggi Malaya. Selain itu, katanya, Fakulti Undang-Undang UM julung kali menerima pelajar dengan matlamat membina negara melalui profesion undang-undang yang dididik dalam negara, pada September 1972.

“Ini adalah kenangan tidak dapat saya lupakan. Saya dapat melihat rakan seangkatan turut hadir pada petang ini. Pengalaman menjadi sebahagian daripada fakulti ini, adalah detik manis buat kita semua.

“Saya masih ingat, mahasiswa fakulti undang-undang ketika itu, mewakili pelbagai latar belakang, demografi dari kampung dan bandar, daripada taraf eko-

nomi yang berbeza-beza menimba ilmu di bawah satu bumbung.

“Hari ini, kita dapat menyaksikan kejayaan Alumni Fakulti Undang-Undang UM dalam badan kehakiman, sektor perundangan, pentadbiran negara, politik tanah air, badan korporat, pendidikan negara, institusi antarabangsa dan lain-lain,” katanya.

Yang turut hadir, Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat; Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan; Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Ahmad Masrizal Muhammad dan Presiden Pertubuhan Alumni Rumpun Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya (PARFUM), Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, tiga institusi penting menjadi tiang seri kepada sistem demokrasi negara dipimpin Alumni Fakulti Undang-Undang

UM dengan Badan Eksekutif dipimpin beliau sebagai Perdana Menteri.

Selain itu, katanya, Badan Kehakiman diketuai Tengku Maimun sebagai Ketua Hakim Negara, manakala Badan Legislatif diterajui Tan Sri Azhar Azizan Harun, sebagai Yang Dipertua Dewan Rakyat, dengan kedua-duanya juga adalah produk Fakulti Undang-Undang UM.

Beliau berkata, badan perundangan pula diterajui oleh Peguam Negara, Tan Sri Idrus Harun yang juga produk Fakulti Undang-Undang UM.

“Ini adalah pencapaian dan sejarah bagi Fakulti Undang-Undang UM dalam menyumbang kepada pembangunan negara.

“Saya berharap kejayaan Fakulti Undang-Undang UM melahirkan ramai profesional hebat dan ternama tidak ternoktah di sini, sebaliknya terus cemerlang untuk melakar sejarah dalam

dan luar negara,” katanya.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut mengumumkan memperuntukkan dana RM2 juta bagi menyokong beberapa aspek dalam penubuhan klinik bantuan guaman seperti dicadangkan PARFUM.

Ia membabitkan dana bernilai RM1 juta bagi penubuhan Yayasan Tan Sri Ahmad Ibrahim bersempena nama tokoh perundangan yang disegani dan diiktiraf di Malaysia dan antarabangsa.

Beliau berkata, RM500,000 diperuntukkan sebagai dana permulaan Tabung Kebajikan Keluarga Malaysia yang akan membantu proses pembelajaran siswazah Fakulti Undang-Undang UM daripada keluarga B40. Dana RM500,000 lagi diperuntukkan bagi merealisasikan hasrat pembangunan semula ‘ASEAN Legal Information Portal’ yang kini dikenali dengan nama baharu iaitu ‘ASEAN Law Guide’.